

Lelaki tumbuk muka isteri gara-gara kalah main 'game' dipenjara 12 bulan

KUCHING: Mahkamah Majistret di sini, semalam menjatuhkan hukuman penjara 12 bulan ke atas seorang lelaki akibat menumbuk muka isterinya gara-gara berang selepas kalah bermain permainan di telefon pintar.

Majistret Ling Hui Chuan menjatuhkan hukuman itu terhadap Naszuan Morni, 35, yang mengaku bersalah di bawah Seksyen 323 Kanun Keseksan dibaca bersama Seksyen 326A Kanun sama.

Tertuduh didakwa melakukan kesalahan itu terhadap isterinya yang berusia 33 tahun dalam satu kejadian pada 20 Mac 2026, sekitar jam 11 malam di sebuah rumah di Kampung Tanjung Bako.

Fakta kes mendedahkan tertuduh menumbuk mata kanan mangsa sebanyak dua kali sehingga mangsa mengalami kesakitan.

Seminggu selepas kejadian itu, mangsa tampil membuat laporan polis dan

tertuduh ditangkap pada 29 Mac 2026.

Hasil siasatan mendapati tertuduh mengasari mangsa dengan menumbuk mata kanannya sebanyak dua kali semasa berlaku pertengkaran antara mereka.

Manakala, hasil pemeriksaan pegawai perubatan di Hospital Umum Sarawak (HUS) mendapati mangsa mengalami kecederaan pada bahagian muka.

Difahamkan, kejadian

berpunca apabila tertuduh berang selepas kalah bermain permainan di telefon pintar ketika diminta menjaga anak sementara isterinya melakukan kerja rumah, sebelum bertindak memukul mangsa kerana mendakwa wanita itu lambat menyiapkan kerja rumah.

Pendakwaan dilakukan oleh Pegawai Pendakwa Inspektor Nur Shafiq Nyaie Ilin sementara tertuduh tidak diwakili peguam.